




## ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: [zulfaqar.upnm.edu.my](http://zulfaqar.upnm.edu.my)



### FAKTOR PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU BERAGAMA MENURUT AHLI PSIKOLOGI

### FACTORS FOR FORMING RELIGIOUS BEHAVIOR ACCORDING TO PSYCHOLOGISTS

Nor Nazimi Mohd Mustaffa <sup>a,\*</sup>, Amnah Saayah Ismail<sup>a</sup>

<sup>a</sup> National Defence University of Malaysia

\*Corresponding author: [nornazimi@upnm.edu.my](mailto:nornazimi@upnm.edu.my)

#### ARTICLE INFO

##### Article history:

Received  
16-07-2020  
Received in revised  
20-07-2020  
Accepted  
04-11-2020  
Available online  
12-11-2020

##### Katakunci:

Emosi; Kuasa Agung;  
Minda; Psikologi; Tingkah  
laku Beragama

e-ISSN: 2773-529X  
Type: Article

#### ABSTRAK

Tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang dilakukan oleh setiap manusia yang mempunyai kepercayaan kepada agama tertentu. Tingkah laku ini dilakukan setiap masa dalam kehidupan sehari-hari mengikut kepercayaan agama yang dianuti. Persoalannya, kenapa dan bagaimana setiap tingkah laku beragama itu berhasil sehingga manusia mengzahirkan tingkah laku tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, kertas kerja ini menganalisis punca dan sebab manusia mengzahirkan tingkah laku beragama. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan dokumen secara reduksi data, penyajian data dan membuat kesimpulan. Kajian ini mensentesis karya klasik Freud dan karya kontemporer daripada Feierman bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian menjelaskan, punca dan sebab tingkah laku beragama adalah naluri manusia. Naluri tersebut adalah interaksi antara pemikiran dan perasaan manusia terhadap persekitaran mereka. Freud menjelaskan, minda sedar dan bawah sedar telah menjadi punca kepada perasaan takut sehingga mengzahirkan tingkah laku beragama. Feierman menyatakan pemikiran terhadap kewujudan Tuhan dan perasaan takut kepada kuasa Tuhan merupakan kecenderungan manusia untuk memenuhi keperluan mereka secara mendalam. Kajian ini telah menjelaskan asal-usul dari mana lahirnya tingkah laku beragama yang dizahirkan oleh manusia dalam setiap hari malah setiap masa dilakukan kehidupan sehari-hari mereka.

#### ABSTRACT

*Religious behavior is the behavior performed by every human being who has a belief in a particular religion. This behavior is done at all times in daily life according to the religious beliefs practiced. The question is, why and how each religious behavior is produced so that human beings manifest such behavior in their daily lives. Therefore, this paper analyzes the causes and causes of human beings expressing religious behavior. This study uses qualitative methodology through document content analysis approach by data reduction, data presentation and inference. This study synthesizes Freud's classical works and contemporary works from Feierman to achieve the objectives of the study. The results of the study explain, the cause and cause of religious behavior is human instinct. Such instinct is the interaction between human thoughts and feelings towards their environment. Freud explained that the conscious and subconscious mind has been the source of fear to the point of expressing religious behavior. Feierman states that thinking about the existence of God and the fear of God's power are human tendencies to meet their needs in depth. This study has*

---

*explained the origin of the birth of religious behavior that is manifested by human beings in every day and even every day in their daily lives.*

© 2020 UPNM Press. All rights reserved.

---

## 1.0 Pengenalan

Feierman (2009) menjelaskan, tingkah laku beragama adalah pelaksanaan semua tingkah laku yang mengandungi unsur-unsur kuasa agung dan kepercayaan terhadap kuasa agung tersebut yang dapat diperhatikan dan dikenalpasti berbeza daripada tingkah laku-tingkah laku yang lain. Tingkah laku beragama merupakan tingkah laku yang dizahirkan secara khusus terhadap agama mengikut kepercayaan sesuatu agama tertentu. ia merupakan *ekspresi* atau pernyataan ketiauan kepada sesuatu yang diyakini sebagai Tuhan. Argyle (1958) dan Feierman (2009) menjelaskan, bentuk tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang berhubung dengan kehadiran ke rumah ibadah, sembahyang, perayaan agama dan ritual agama seperti upacara *baptis*. Sarjana Barat cenderung menjelaskan tingkah laku beragama sebagai amalan khusus dalam agama.

## 2.0 Kajian Literatur

Menurut sarjana Islam, tingkah laku beragama adalah tingkah laku seseorang dalam bertindak balas terhadap persekitaran berdasarkan ajaran agama yang diyakininya (Masri, 2008). Ririn (2010) dan Nurhuda (2011) pula menjelaskan, tingkah laku beragama merupakan keadaan beragama dalam diri seseorang. Keadaan tersebut mendorong seseorang menzahirkan tingkah laku beragama berdasarkan keyakinan terhadap agama yang dianutinya. Hajaroh (1998) pula berpendapat, tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang dizahirkan daripada kehidupan beragama dan juga kesedaran beragama dalam diri seseorang. Jelas beliau lagi, tingkah laku beragama adalah kesinambungan daripada sikap keagamaan dan kesedaran agama dalam diri seseorang. Nurjannah (2013) menjelaskan tingkah laku beragama merupakan tindakan, perbuatan atau ucapan yang dilakukan kerana kepercayaan kepada Tuhan. Arie (2015) menjelaskan tingkah laku beragama adalah tingkah laku seseorang yang dilakukan sesuai dengan agama yang dianutinya. Hal ini menunjukkan bahawa, tingkah laku beragama merupakan tingkah laku yang diorientasikan kepada Tuhan. Namun ia tidak hanya khusus kepada suatu tingkah laku yang hanya berhubung dengan aspek ketuhanan sahaja bahkan merangkumi aspek hubungan manusia sesama manusia.

Kesimpulannya, tingkah laku beragama merupakan aktiviti zahir yang dilakukan oleh seseorang berdasarkan keyakinannya terhadap kuasa agung atau Tuhan dan juga agama yang dianutinya. Tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang menggambarkan pernyataan kehidupan beragama dan kesedaran beragama seseorang. Tingkah laku beragama merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang mana tidak hanya terhad kepada aspek ketuhanan yang berhubung dengan amalan ritual semata namun ia merangkumi aspek yang berkait dengan hubungan sesama manusia. Setiap tingkah laku beragama perlu dilakukan berdasarkan agama, selari dengan ajaran agama iaitu tidak bertentangan dengannya.

Penilaian bagi seseorang individu bukan sahaja diasaskan pada kecerdasan intelektual tetapi yang lebih penting ialah kecerdasan emosi. Terdapat lima domain utama berkenaan kecerdasan emosi iaitu memahami emosi sendiri, kebolehan mengendalikan emosi, memotivasi diri, menyedari emosi orang lain dan mengendalikan hubungan dengan orang lain (Goleman, 1995). Kecerdasan emosi adalah satu kemahiran dan kebolehan untuk mengawasi diri sendiri dan juga orang lain dari segi perasaan dan emosi serta dapat membezakan kedua-dua perkara tersebut dan boleh menggunakan kemahiran tersebut untuk memandu pemikiran dan tindakan (Suzyiana, 2016). Perkara ini cukup untuk menjelaskan kepentingan peranan emosi terhadap tingkah laku seseorang individu dalam kehidupan sehari-hari. Tingkah laku beragama pula merupakan tingkah laku yang memenuhi tuntutan keagamaannya kerana kepercayaan dalam kuasa besar atau Tuhan. Tingkah laku beragama adalah pelaksanaan semua tingkah laku yang mengandung unsur-unsur keyakinan terhadap kuasa agung yang dapat diperhatikan dan dikenal pasti secara berbeza dari tingkah laku yang lain. Tingkah laku beragama adalah tingkah laku khusus yang berkaitan dengan agama berdasarkan kepercayaan agama tertentu. Ia adalah ekspresi atau kenyataan ketiauan kepada sesuatu yang diyakini sebagai Tuhan (Argyle, 1958; & Feierman, 2009).

Ahli Psikologi telah menjelaskan bahawa tingkah laku adalah bersifat tidak tetap atau boleh berubah dan dibentuk dengan usaha yang keras kerana tingkah laku adalah bersifat relatif dan tidak beku. Menurut Bandura (1971) tingkah laku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan dan pembelajaran peniruan. Tingkah laku manusia merupakan interaksi antara pemikiran, persekitaran dan tingkah laku. Begitu juga dengan pandangan daripada Skinner (1968) yang menjelaskan bahawa tingkah laku dibentuk melalui proses pelaziman secara sistematik. Tingkah laku dapat dibentuk dengan cara peneguhan yang sistematik dan mengenakan dendaan dan mendesak secara rasional. Selain itu, pemberian ganjaran merupakan pembentuk tingkah laku yang sangat berkesan (Wolery et al., 1988). Mengikut teori dari Freud (1975) pula, kuasa dalaman memainkan peranan dalam membentuk tingkah laku manusia. Menurut beliau minda manusia terbahagi kepada tiga kuasa yang bertindak dalam zon tidak sedar. Teori Psikoanalitik yang terdiri daripada Id, Ego dan Superego secara terus berkait rapat dalam membentuk tingkah laku manusia.

### 3.0 Hasil kajian dan perbincangan

Pemikiran dan perasaan merupakan asal punca tingkah laku beragama dizahirkan. Freud menjelaskan perasaan bersalah seorang anak terhadap ayahnya telah menyebabkan penyembahan berlaku terhadap totem ‘pengganti’ kepada ayah anak lelaki. Perkara ini berlaku disebabkan sistem *oedipus complex* anak lelaki dengan ayahnya. Konflik tersebut telah menjadi punca manusia mencari agama dan kemudian mengzahirkan tingkah laku beragama. Kemudian, Freud menjelaskan tingkah laku beragama dizahirkan kerana khayalan manusia terhadap sesuatu yang dipercayai sebagai Tuhan. Pemikiran ini adalah kaitannya dengan perasaan manusia yang dihimpit rasa bersalah dan kemudian mewujudkan satu ikon atau simbol yang dianggap Tuhan dan kemudiannya disembah.

Manusia melakukan tingkah laku beragama adalah untuk mendapatkan kebahagian yang bersifat sementara. Menurut Freud, manusia mendapatkan agama untuk lari daripada tekanan, konflik, perasaan cemas, perasan takut kepada mati, bahaya atau malapetaka dan rasa bersalah. Oleh kerana itu, tingkah laku beragama merupakan kegilaan neurosis bagi manusia yang mana mereka mencipta Tuhan dalam fikiran mereka lalu disembah. Seperti yang telah dijelaskan, agama merupakan satu sistem yang berperanan untuk memenuhi ilusi manusia dan dalam masa yang sama bertindak menentang realiti. Jelasnya, agama merupakan jalan untuk melepaskan diri dari kekecewaan dan lari dari kenyataan. Melalui agama manusia berkhayal dengan mempercayai wujudnya satu kekuatan yang muncul dari keperluan seseorang untuk mencapai ketenangan. Agama merupakan kekeliruan dalam berkhayal kerana manusia inginkan kebahagiaan tetapi hakikatnya mereka berada dalam rasa sakit kerana kekecewaan, kesengsaraan dan penderitaan (Daniel & Ventis 1982).

Bagi Feierman (2009) pula, tingkah laku beragama adalah keperluan manusia untuk memenuhi satu tuntutan dalam diri mereka yang bersifat mendalam. Oleh kerana hal yang demikian, mereka mencari jalan penyelesaian dengan cara memikirkan bagaimana untuk mereka memenuhi tuntutan tersebut. Agama menjadi jalan penyelesaian terhadap perkara tersebut dalam menjawab segala persoalan yang timbul dalam kehidupan seharian manusia. Beliau juga membincangkan tentang hal perasaan yang menjadi asal dan punca tingkah laku beragama manusia. Perasaan negatif menjadi asal kepada panduan tingkah laku beragama. Perasaan negatif seperti rasa takut ini telah memandu manusia untuk menyelamatkan diri mereka daripada akibat yang boleh membahayakan diri. Perasaan takut yang dibincangkan adalah perasaan takut terhadap kuasa agung atau Tuhan. Perbuatan seperti tidak melakukan perkara yang dilarang kerana percaya wujud pembalasan daripada Tuhan dan percaya tentang pemerhatian daripada Tuhan adalah tindak balas daripada perasaan yang negatif ini yang kemudiaanya memandu perbuatan tingkah laku beragama seperti penyembahan. Perbincangan beliau berkait perasaan dilanjutkan dengan hal emosi iaitu emosi taajub atau emosi rasa hairan. Menurut beliau emosi sebegini telah memandu kepada pemikiran manusia untuk memikirkan sesuatu yang bersifat abstrak iaitu tentang kuasa agung atau ketuhanan. Melalui emosi ini manusia mendapat bimbingan dalam keseimbangan untuk berfikir bagi menguruskan perasaan yang negatif mahupun positif.


Pengaruh dari faktor dalaman iaitu perasaan dan pemikiran manusia merupakan penggerak kepada lahirnya tingkah laku beragama. Menurut Freud (1856-1939), cinta, kasih sayang, takut dan pengharapan merupakan emosi yang mendorong manusia kepada tingkah laku beragama. Ini dijelaskan oleh beliau melalui sistem *Oedipus Complex* yang diperkenalkan. Jelas beliau, manusia perasaan cinta dan kasih sayang yang dizahirkan oleh seorang anak lelaki terhadap ibunya membuatkan anak lelaki tersebut berusaha untuk mendapat ibunya serta menganggap ayahnya sebagai penghalang. Dalam Teori Psikoanalitik, sistem

ini merupakan satu situasi pemikiran dan perasaan bawah sedar manusia yang berhubung dengan keinginan seksual. Tambah beliau lagi, keinginan merupakan faktor-faktor asas yang penting kepada kehidupan dan jiwa manusia.

Konflik perasaan ini wujud dalam minda bawah sedar dan wujud dalam bentuk simptom-simptom neurosis. Simptom-simptom neurosis merujuk kepada tingkah laku dan pemikiran yang tidak normal yang mana simptom ini meliputi keadaan emosi yang teruk secara patologikal seperti keadaan keresahan atau murung, tingkah laku dan fikiran yang menyediakan seperti fobia, obsesif atau juga penyakit fizikal seperti hysteria atau *hipokondria*. Perasaan cinta terhadap ayah juga menjadi faktor kepada timbulnya agama sekaligus seseorang bertindak melakukan tingkah laku beragama bagi menzahirkan perasaan cinta tersebut. Rasa sesal dalam diri anak, telah mendorongnya agar menghidupkan kembali ayahnya dengan sesuatu yang lain. Maka anak lelaki tersebut telah memilih *totem* sebagai ‘pengganti’ kepada ayahnya (Freud, 1975; Freud, 1961).

Emosi rasa hairan atau emosi ingin tahu pula membuatkan manusia berfikir secara mendalam untuk mencari jawapan secara mendalam kepada persoalan kehidupan. Persoalan berhubung aktiviti sosial yang berkait dengan keimbangan dan ketidakpastian terhadap hal kehidupan dan kematian. Keadaan ini membuatkan manusia mencari panduan terhadap pengurusan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan. Perasaan takut telah membuatkan manusia tunduk kepada sesuatu yang dipercayai mempunyai kuasa agung yang membuatkan manusia mula mengzahirkan tingkah laku beragama. Emosi ingin tahu atau emosi rasa hairan ini telah memandu manusia untuk memikirkan sesuatu secara lebih mendalam untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang timbul dalam kehidupan.

Berdasarkan perbincangan di atas maka jelaslah bahawa emosi mempunyai kaitan yang jelas dengan tingkah laku beragama. Emosi takut, kasih sayang, cinta, ingin tahu dan hairan mempengaruhi manusia untuk mengzahirkan tingkah laku beragama. Seterusnya tingkah laku beragama adalah tindakan manusia melakukan penyembahan atau amalan dalam bentuk pengabdian diri kepada sesuatu yang dianggap kuasa agung yang mampu melindungi dan membantu manusia. Pemikiran dan perasaan saling berkait dalam mendorong tindakan dan tingkah laku manusia. Perasaan mendorong manusia berfikir dalam memenuhi tuntutan dan mencari jawapan kepada setiap persoalan dalam kehidupan seharian. Rajah berikut menjelaskan secara ringkas berhubung perkara ini.



**Rajah 1: Hubungkait perasaan dengan pemikiran terhadap tingkah laku beragama**

Berdasarkan rajah di atas, perasaan cinta, kasih sayang, takut dan ingin tahu mendorong kepada manusia untuk berfikir secara mendalam. Seperti yang dijelaskan oleh Freud, minda manusia pula berada di bawah tiga kekuatan iaitu *id*, *ego* dan *superego*. Beliau juga memperkenalkan sistem *dieipus complex* yang menjelaskan berkait dengan perasaan sehingga mempengaruhi pemikiran lalu menghasilkan tingkah laku beragama. Perasaan dan pemikiran saling berkait antara satu sama lain kerana perasaan membawa kepada pemikiran dan pemikiran pula menjadi titik kepada lahirnya perasaan manakala tingkah laku beragama adalah hasil daripada perasaan yang dominan dalam pemikiran manusia. inilah yang dijelaskan oleh Freud dalam membincangkan bagaimana tingkah laku beragama dizahirkan. Merujuk kepada pandangan Feierman pula, perasaan mempengaruhi pemikiran manusia yang akhirnya manusia mengzahirkan tingkah laku beragama.

## 4.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, pemikiran dan perasaan berhubung kait dalam menjadi asal kepada tingkah laku beragama yang dizahirkan oleh manusia. Pemikiran dan perasaan dalam diri seseorang mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam mempengaruhi tingkah laku beragama. Ini kerana, perasaan boleh beroperasi pada tahap sedar dan tidak sedar dan boleh mendahului atau mengikut pemikiran manusia. Kebanyakkan sarjana Barat menjelaskan perasaan dan pemikiran perlu bersepada dengan baik untuk fungsi yang paling baik dalam mempengaruhi tingkah laku beragama.

Oleh yang demikian, biologi atau asal dan punca kepada tingkah laku beragama adalah pemikiran dan perasaan manusia. Kedua-dua elemen ini, diklasifikasikan sebagai elemen dalaman yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku beragama. Walaupun tidak dinafikan bahawa elemen daripada luaran juga menjadi penyumbang besar kepada pembentukan tingkah laku beragama. Namun, jelasnya disini elemen pemikiran dan perasaan menjawab persoalan dari mana dan kenapa manusia melakukan tingkah laku beragama. Keinginan, harapan, perlindungan dan rasa kebergantungan kepada kuasa selain manusia terkandung dalam elemen perasaan dan pemikiran manusia. hal ini menjadi pendorong kepada manusia bertindak mencari agama dan seterusnya melakukan perbuatan dan amalan ritual seperti penyembahan. Fenomena ini adalah fenomena universal dan inilah digelar sebagai tingkah laku beragama. Walaupun dalam pelbagai bentuk yang berbeza mengikut agama tertentu, namun atas dasar kepercayaan kepada kuasa agung tingkah laku beragama dizahirkan.

Perasaan mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan tingkah laku beragama yang dizahirkan oleh manusia dalam kehidupan sehari-hari. Konflik emosi yang berlaku dalam diri menyebabkan manusia berperang dengan emosi diri sendiri. Emosi takut, kasih sayang, cinta, ingin tahu dan hairan telah memandu manusia untuk mencari perlindungan dan kebahagian dalam kehidupan. Rentetan dari tujuan ini, manusia mula menyatakan emosi dan perasaan mereka ke dalam dunia nyata dengan cara melahirkan apa yang terkandung dalam pemikiran mereka tentang kuasa agung atau Tuhan. Manusia melahirkan satu figura yang terdiri daripada objek atau binantang tertentu. Figura ini mereka percaya mampu memberi perlindungan dan memenuhi hajat mereka. Oleh yang demikian, bagi memenuhi kedua-dua kehendak manusia ini, maka manusia menyembah figura tersebut dengan cara tertentu seperti mempersembahkan makanan, mengadakan tarian dan sebagainya.

Perasaan juga berkait dengan pemikiran manusia seperti yang dijelaskan oleh Feierman bahawa, emosi rasa hairan atau ingin tahu telah menyebabkan manusia berfikir secara mendalam. Manusia berfikir untuk mencari jawapan dan panduan kepada setiap persoalan dalam kehidupan. Begitu juga dengan penjelasan dari Freud yang menjelaskan pemikiran mempunyai kaitan dengan emosi. Dalam teori Psikoanalitik, beliau menjelaskan manusia berada di bawah mida bawah sedar iaitu id, ego dan superego. Id, ego dan superego yang berada dalam minda telah mempengaruhi pemikiran manusia. Dari sini lahirlah emosi takut, cinta, kasih sayang, dendam dan sebagainya. Perkara ini jelas sebagaimana yang dibincangkan oleh Freud berkaitan perasaan budak lelaki yang ingin memiliki ibunya dan dalam masa yang sama berdendam dengan ayahnya sendiri. Keadaan ini cukup untuk menjelaskan kaitan emosi dan pemikiran dengan tingkah laku beragama.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada penyelia tesis Doktor Falsafah iaitu Prof Madya Dr. Aminuddin Bin Basir dan Prof Madya Dr. Jaffary Bin Awang Selaku felo penyelidik di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Rujukan

- Argyle, M. (1958). *Religious Behavior*. London: Routledge House & Kegan Paul Ltd.
- Arie, S. (2015) Studi Kolerasi Antara Pemahaman Agama Islam Dengan Perilaku Keagamaan Pada Komunitas Balap Liar di Dusun Kembang Desa Nglegi Gunungkidul'. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga., Indonesia.
- Bandura, A. (1971). *Social Learning Theory*. United States: Stanford University.

- Daniel, B. C., & Ventis, L. W. (1982). *The Religious Experience - A Social-psychological Perspective*. New York: Oxford University Press.
- Feierman, J. R. (2009). *The Biology of Religious Behavior: The Evolutionary Origins of Faith and Religion*. California: Praeger, p. 21-46.
- Freud, S. (1961). Totem and Taboo: Some Point of Agreement Between the Mental Lives of Savages and Neurotics'. Terj: James Strachey. London: Routledge Classics, p. 43-129.
- Freud, S. (1975). The Future of an Illusion Terj. James Strachey. London: Norton, p. 30.
- Goleman, D. (1995). Emotional Inteligence: Why it Can Matter More Than IQ. New York: Bantam Books.
- Hajaroh, M. (1998). Sikap dan Perilaku Keagamaan Mahasiswa Islam di Daerah Istimewa Yogyakarta. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi*, 1(1), p. 19-31.
- Masri, M. (2008). Perilaku Keberagamaan Remaja Kasus Pada Siswa SLTA Di Kota Jakarta Selatan, Kabupaten Sukabumi dan Kabupaten Lebak'. Tesis Sarjana, Institut Pertanian Bogor., Indonesia.
- Nurhuda, S. U. (2011). Hubungan antara Kedisplinan Dalam Keluarga Militer Dengan Perilaku Keberagamaan Pada Remaja Di Asrama Garnisun Kota Salatiga'. Tesis Sarjana Pendidikan. Negeri Salatiga: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri., Indonesia.
- Nurjannah, H. (2013). Pengaruh Pendidikan Agama Islam Terhadap Perilaku Keagamaan Anak Pada Program Paket C di Lembaga Pemasyarakatan Anak Kutuarjo Kabupaten Purworejo Jawa Tengah. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia.
- Wolery, M., Baily, D. B., & Sugai, G. M. (1988). Effective Teaching: Principle & Practice of Applied Behavior Analysis with Eceptional Children. Boston: Allyn & Bacon.
- Ririn, Astuti. (2010). Peran Organisasi Kerohanian Islam (ROHIS) Dalam Membentuk Perilaku Keagamaan Siswa Di SMA Negeri 1 Godean Sleman Yogyakarta'. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga., Indonesia.
- Skinner, B. F. (1968). *The Technology of Teaching*. New York: Appleton-Century-Croft.
- Suzlyiana, M. (2016). Levels of Emotional Intelligence Among Teenagers at the University of Malacca Islamic College. *Journal of Social Sciences*, 1, p. 115-136.